

15 MAY 1996

HUBUNGAN PERNIAGAAN MALAYSIA-HONG KONG BERI BANYAK FAEDAH

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Usaha membina perkongsian strategik dengan ahli-ahli perniagaan Hong Kong demi kepentingan bersama merupakan satu lagi kelebihan bagi para pelabur tempatan, kata pengerusi eksekutif kumpulan IOI Corporation Bhd Tan Sri Lee Shin Cheng.

Beliau berkata kepakaran ahli-ahli perniagaan Hong Kong dalam bidang pembinaan dan kewangan akan menyumbang kepada "usaha kita ke arah meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran."

"Kita menduduki rantau yang sama, oleh itu perkongsian yang bijak boleh ditubuhkan untuk menerokai kawasan-kawasan pertumbuhan di negara-negara Asean," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

"Buat permulaan, pertemuan sedemikian akan membolehkan kita untuk mengenali lebih dekat lagi antara satu dengan lain," tambah Lee added. Kira-kira 60 pemimpin perniagaan dan industri Hong Kong diketuai oleh Setiausaha Kewangan tanah jajahan itu, Donald Tsang berada di sini untuk memperkukuhkan hubungan perniagaan dengan ahli-ahli perniagaan tempatan.

"Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang begitu pesat telah menarik minat ahli-ahli perniagaan Hong Kong untuk mengadakan usaha sama dengan kepentingan tempatan," katanya.

Lee juga berkata bahawa ahli-ahli perniagaan Malaysia patut meneladani Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dia (Lee) sifatkan sebagai "jurujual super," kerana usahanya yang tidak kenal penat lelah untuk meninjau peluang-peluang perniagaan di seluruh dunia.

Pengarah Pusat Penyelidikan Ekonomi Hong Kong, Prof Richard Wong berkata perkongsian strategik bermakna mengenal pasti projek-projek yang boleh dijalankan secara bersama.

"Projek berkenaan boleh dilaksanakan menerusi pendekatan saling melengkapi dengan berkongsi pengetahuan teknikal dan pengurusan serta pembiayaan dengan rakan-rakan yang berlainan yang mempunyai pengetahuan tentang pasaran-pasaran yang ada di rantau ini," katanya.

Prof Wong berkata Malaysia mempunyai kelebihan yang banyak seperti keupayaan membangunkan sumber-sumber asli, mengembangkan sektor pembuatan, memasuki pasaran negara ajiran seperti China dan memikat modal asing.

"Oleh itu, ahli-ahli perniagaan Malaysia boleh bersatu dengan ahli-ahli perniagaan Hong Kong untuk mewujudkan perkongsian strategik," katanya.

Prof Wong berkata sambutan awal kepada idea perkongsian strategik begitu positif dan ini terbukti daripada kehadiran sebegitu banyak ahli-ahli perniagaan Malaysia pada seminar yang diadakan di sini.

Terdahulu, dalam ucapannya Tsang berkata kisah kejayaan ekonomi Malaysia dengan pertumbuhan yang begitu bersemangat sememangnya dicemburui ramai.

Beliau berkata tujuan lawatan rombongannya ialah untuk membina "jambatan persahabatan" dan menyemai peluang-peluang perniagaan.

Tsang berkata masanya telah tiba bagi sektor perkhidmatan Hong Kong mengembangkan sayap ke pasaran-pasaran serantau.

"Kami ke sini untuk bekerja dan berkongsi pengalaman, bukan untuk bersaing, dengan ahli-ahli perniagaan Malaysia," katanya. -- BERNAMA

JSM SIA